

28/09/1998

Media Barat sanggup korbankan kebenaran

Dr Mohd Safar Hasim

APAKAH yang paling menonjol dalam berita dunia? Jawabannya mudah. Lihat saja berita Jam 10 di TV1. Peperangan, pergaduhan, pengeboman, rusuhan, perarakan, kematian dan ketegangan.

Selain itu, ia disulami berita seks dan orang kenamaan. Jika unsur-unsur ini saling berkait antara satu sama lain, ia lebih menarik lagi.

Tidak hairanlah jika bom yang meletup di Kemboja dikatakan percubaan membunuh Hun Sen kerana beliau hadir di tempat berkenaan. Tetapi dua orang pemimpin politik, Putera Ranaridh dan Sam Rainsy juga hadir di situ. Hakikat percubaan membunuh Hun Sen lebih menarik lagi. Dalam kejadian ini seorang kanak-kanak mati dan seorang lain cedera.

Begitu juga dengan menu Presiden Clinton dan Monica Lewinsky. Berita ini tidak henti-henti disiarkan oleh TV dan akhbar. Ia menarik kerana dua unsur penting terbabit, iaitu kuasa dan seks.

Malah Rupert Murdoch, seorang pemilik media terbesar di dunia mengutamakan tiga perkara, iaitu wang, kuasa dan seks, dalam liputan media miliknya.

Berita-berita dunia yang kita lihat penuh ketegangan dan penuh drama. Lebih banyak ketegangan dan lebih banyak drama lebih besarlah berita berkenaan. Jika gempa bumi hanya membabitkan dua atau tiga orang terkorban, mungkin ia tidak menjadi berita utama. Sebaliknya, jika beribu-ribu orang terbunuh ia tentunya mendapat tempat taraf berita besar.

Pernah seorang wartawan media barat (sebuah agensi berita antarabangsa) menyatakan bahawa jika beliau terlepas melaporkan sesuatu berita, selepas wartawan lain sudah melaporkan berita berkenaan, beliau hanya perlu membuat sudut terbaru supaya tidak dimarahi ibu pejabatnya.

Misalnya, jika berita awal menyatakan 1,000 orang terbabit dalam sesuatu nahas, laporan beliau yang lambat setengah jam itu, mungkin menyebut 1,200 orang terbabit. Ini membuat sudut beritanya lebih baru dan lebih besar serta menarik.

Mereka membesar-besarkan sesuatu maklumat itu kononnya untuk mendapat tarikan yang lebih sama ada daripada kalangan pembaca atau penonton televisyen.

Dan ibu pejabatnya berpuas hati kerana agensi beritanya mendapat yang terbaru dan berita lebih besar! Peduli apa kepada kebenaran, siapa akan ambil kisah untuk memeriksa kebenarannya!

Apa yang mungkin ramai tidak dapat menghayati ialah jumlah berita yang dilaporkan oleh pelbagai agensi berita di dunia ini terlalu banyak untuk disiarkan semuanya.

Jadi pilihan yang ketat perlu dibuat. Hanya berita yang betul-betul penting dan besar yang digunakan dalam akhbar atau stesen TV dan radio.

Jadi wartawan yang membuat liputan sesuatu berita terpaksa menulis beritanya dengan begitu cara supaya ia boleh menarik pengarang untuk memilih berita itu.

Ada kalanya kebenaran dikorbankan dalam soal ini. Hal ini jelas berlaku dalam peristiwa penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno.

Tidak dapat dinafikan peristiwa itu penuh dengan dramanya. Di situ ada unsur-unsur kuasa, seks dan wang.

Anwar, bekas pemimpin kedua tertinggi di Malaysia dilucut jawatannya kerana dipercayai terbabit dengan seks.

Sebaliknya, Anwar menuduh ada konspirasi untuk menjatuhkannya. Cukup

dramatik, cukup tegang. Ia boleh menjadikan berita yang baik untuk wartawan asing.

Tetapi berita itu perlu diberi perisa yang lebih supaya lebih menarik lagi. Misalnya kita ambil contoh terakhir:

* Perhimpunan dan perarakan pada Ahad, 20 September 1998; dan

* Penyiaran pita video Anwar yang menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai gila kuasa dan wang.

Dalam peristiwa pertama, berita yang disiarkan BBC menyatakan bahawa selama dua hari kejadian rusuhan yang teruk berlaku di jalan-jalan di Kuala Lumpur.

Hakikatnya tidaklah begitu. Jika wartawan agensi itu mengirim berita perhimpunan yang berlaku dengan sedikit kerosakan harta benda tentulah ia bukan sebuah berita yang baik dari konsep berita Barat.

Besar kemungkinan berita itu mungkin tidak terpilih untuk disiarkan. Lagi teruk sesuatu peristiwa itu lebih menariklah beritanya. Terutama jika ada yang terkorban. Contohnya peristiwa rusuhan di Jakarta.

Dalam penyiaran pita video Anwar, CNBC Asia Business yang berpangkalan di Singapura menyatakan Dr Mahathir tersangat marah apabila ditanya reaksinya mengenai penyiaran pita itu.

Ini adalah suatu pembongkaran. Perdana Menteri, yang menjawab soalan itu pada satu sidang akhbar sekadar menyindir kerana penyiaran demikian adalah suatu kebebasan untuk menceritakan pembongkaran. Malah pita video itu disiarkan oleh CNBC melalui Astro.

Dengan menyatakan bahawa Dr Mahathir `tersangat marah' ia menimbulkan ketegangan yang dikehendaki.

Untuk berlaku adil, bukanlah semua berita yang dilaporkan oleh wartawan asing diputar-belitkan atau sengaja diada-adakan, atau dilebih-lebihkan.

Ada juga berita yang dilaporkan boleh dianggap positif. Tetapi berita yang positif sering tenggelam dalam badai berita negatif, yang diseleweng dan diperbesar sama ada disengajakan atau tidak.

Perlu diingat dalam peristiwa Anwar, media barat melihat agenda yang dibawa oleh Anwar sesuai dengan agenda mereka dan Barat.

Banyak sekali berita yang dikirim keluar dari Malaysia mempunyai unsur negatif. Mereka ingin melihat Dr Mahathir digulingkan sebagaimana Suharto tumbang walaupun antara Suharto dan Mahathir wujud perbezaan. Mahathir dipilih rakyat setiap lima tahun sekali, Suharto tidak.

Agenda media ini juga selaras dengan agenda barat yang lain seperti demokrasi, hak asasi manusia dan kebebasan akhbar.

Oleh yang demikian, sokongan akan datang daripada pelbagai pihak di Barat. Ini boleh menjejaskan Malaysia walaupun ia dikaitkan dengan dasar kawalan modal yang diumumkan baru-baru ini.

Media barat tidak peduli jika Malaysia hancur akibat kekacauan di negara ini. Mereka hanya mahu berita mereka menjadi lebih menarik. Syarikat berita mereka akan menjadi lebih maju.

Malaysia juga yang terpaksa merangkak untuk bangun kembali. Inilah yang kita mahu? Biarlah kita dalam acuan kita sendiri.

* Dr Safar ialah Ketua Jabatan Komunikasi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.

(END)